

# Bukan sekadar terapung

Kosmo m/s 18 10.10.07

Bak kata angkasawan pertama negara, Dr. Sheikh Muszaphar, 'Kami di sini bukan berseronok', di bahunya kini menggilas seribu harapan negara untuk membuktikan program angkasawan sangat signifikan.

Oleh ZAMRI RAMBLI

zamri.rambli@kosmo.com.my

**S**ELURUH dunia hari ini tertumpu kepada sebuah kapal bernama Soyuz TMA-11. Bersamanya, penghuni yang bakal mengisi perut roket itu turut meraih limpahan perhatian antarabangsa. Semuanya menanti debar detik 9.21 malam (waktu Malaysia) pada malam ini.

Detik itu bukan sahaja membolehkan tiga wira terpilih memanjangkan lagi senarai 140 individu yang berjaya menjejakkan kaki ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Tetapi apa yang lebih signifikan ialah mereka adalah kumpulan yang menjadi simbol kepada kejayaan lima dekad penjelajahan manusia meneroka ruang angkasa.

Bertuahnya Malaysia kala ini kerana dunia meletakkan kepercayaan di bahu salah seorang warganya untuk memikul tanggungjawab misi 50 tahun era angkasa dunia, selepas Sputnik mengorbit bumi pada 4 Oktober 1957.

Pemilihan Malaysia wajar menjadi kebanggaan kerana mengiringi angkasawan dari dua kuasa besar bidang angkasa dunia, Rusia dan Amerika Syarikat (AS) yang sememangnya diketahui merintis dan bersaing perjalanan ke angkasa sejak sekian lama.

Namun, apa yang lebih istimewa lagi tentulah ia satu hadiah terbaik buat Malaysia apabila angka 50 itu juga dikongsi negara dengan penuh makna. Ia menjadi lambang kejayaan negara selepas 50 tahun bergelar negara merdeka.

Yang pasti, di sebalik program hasil timbal balas (*off set*) pembelian 18 buah pesawat SU-30MKM (Sukhoi) dari Ru-



DUA angkasawan negara Sheikh Muszaphar dan Faiz Khaleed memetakan Malaysia dalam peta aeroangkasa dunia.

pesawat SU-30MKM (Sukhoi) dari Rusia oleh Kementerian Pertahanan bernilai RM3.4 bilion itu, nama Malaysia kini semakin menjadi bualan seluruh masyarakat dunia.

Ini diakui sendiri oleh wakil *KOSMO!*, Metra Syahril Mohamed yang berada di Kazakhstan sejak 6 Oktober lalu untuk membuat liputan mengenai pelancaran Soyuz.

Kata Metra Syahril, sewaktu berbual dengan beberapa penduduk Kazakhstan di Astana, ibu negara itu, ramai yang berbangga dengan apa yang dicapai oleh Malaysia.

“Ada warga Astana yang memberitahu: ‘Kami tidak pernah mendengar nama Malaysia sebelum ini dalam bidang angkasa lepas. Tetapi kami berbangga kerana Malaysia kini sudah mempunyai angkasawan pertama.’

“Ada pula yang mengakui tidak menyangka pemuda tinggi yang berjalan seiringan dengan angkasawan Rusia, Yuri Malechenko dan angkasawan AS, Peggy Whitson dalam satu foto dikeluarkan media ialah angkasawan dari Malaysia. ‘Tahniah Malaysia!...’” cerita Metra tentang perbualannya dengan beberapa penduduk tempatan di Astana.

Ketika perhatian seluruh masyarakat dunia terarah kepada persiapan terakhir Soyuz di tapak pelancarannya di Boikonur Cosmodrome, tidak dapat dinafikan debaran rakyat negara ini bu-



**TIGA** krew Soyuz TMA-11, (dari kiri) Sheikh Muszaphar, Yuri Malechenko dan Peggy Whitson yang akan mengorbit ke angkasa 9.21 malam ini.

kan sekadar menanti detik 9.21 malam.

Jika dua hari lalu, media melaporkan pemilihan angkasawan pertama negara hanya akan diketahui empat jam sebelum Soyuz TMA-11 mengorbit ke angkasa, namun semalam debaran se-

luruh masyarakat Malaysia akhir terjawab.

Pencarian selama empat tahun akhirnya menemui penamat.

Beliau hukanlah personaliti asing bagi masyarakat Malaysia. Walaupun bergelar pakar bedah ortopedik, namun

personalitinya yang menarik membolehkan beliau juga bergelar seorang model.

Semalam, Dr. Sheikh Muszaphar Shukur, 35, bukan sahaja menambah satu lagi gelaran untuknya tetapi lebih manis gelaran yang cukup gemilang.

Beliau adalah angkasawan pertama Malaysia ke angkasa lepas!


Menyambut berita itu dengan penuh kegembiraan, Sheikh Muszaphar dalam satu kenyataan semalam memberitahu, pengembaraan itu sebenarnya mendekatkan diri beliau dengan Allah.

“Menjadi seorang Islam berlepas ke angkasa, saya mempunyai tanggungjawab besar, bukan hanya kepada rakyat Malaysia bahkan umat Islam seluruh dunia,” katanya yang mengakui berharap dapat memeluk ibu bapanya, namun tidak dapat berbuat demikian atas faktor kesihatan.

Tambah Sheikh Muszaphar, mendekati Pencipta, membuat beliau lebih spritual dan berharap dapat pulang berkongsi segala pengalaman dengan umat Islam lain.

Pengumuman pemilihan Sheikh Muszaphar diumumkan selepas ROSCOSMOS bermesyuarat selama setengah jam semalam.

Hasil mesyuarat itu juga bersetuju doktor pergigian Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kapten Dr. Faiz Khaleed, 27 dihantar menyertai misi ang-



## LATAR BELAKANG ANGKASAWAN MALAYSIA

**Nama:**

Dr. Sheikh  
Muszaphar  
Shukor Al  
Masrie

**Umur:** 35 tahun

**Tarikh lahir:**  
26 Julai 1972

**Asal:** Seremban,  
Negeri Sembilan

**Kerjaya:** Pegawai Perubatan  
Hospital Universiti Kebangsaan  
Malaysia (HUKM)

**Lulusan:**

- Kasturba Medical College,  
Manipal, India
- Sarjana Pembedahan Ortopedik  
di HUKM



**Nama:** Kapten  
Dr. Faiz Khaleed

**Umur:** 27

**Tarikh lahir:**  
15 September  
1980

**Asal:** Kuala  
Lumpur

**Lulusan:**

Bachelor Pergigian Universiti  
Malaya

Info



## Angkasawan negara

- PROGRAM Angkasawan Negara diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 7 Ogos 2003.
- Pada 26 Mac 2004, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Datuk Dr. Mazlan Othman mengumumkan program penghantaran angkasawan pertama negara ke angkasa lepas ditangguhkan sehingga ke 2007.
- Program ini merupakan sebahagian daripada program timbal balik dalam perjanjian antara Malaysia dan Rusia berkaitan pembelian Sukhoi-30MKM, pesawat pejuang buatan Rusia yang mana kerajaan Rusia bersetuju untuk melatih dua rakyat Malaysia dengan salah seorang daripadanya akan dihantar ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).
- Pada awalnya, sebanyak 11,000 permohonan dalam pemilihan terbuka diterima bermula Oktober 2003 hingga September 2006.

STESEN Angkasa Antarabangsa yang akan dijejaki oleh tiga angkasawan termasuk Sheikh Muszaphar berlokasi di orbit mengelilingi bumi pada altitud 360 kilometer.

Kosmo m/s 19.10.07

kasa 2007/2008.

Walaupun bagaimanapun, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Jamaluddin Jarjis yang berada di Bokonur memberitahu, keputusan itu mungkin boleh berubah empat jam terakhir sebelum pelancaran.

"Sekiranya terdapat sebarang masalah melibatkan krew kumpulan pertama, Faiz mungkin mengambil alih tempat ini," katanya.

Walaupun bagaimanapun tambah beliau, kedua-dua angkasawan negara masih dikuarantin dan dalam keadaan baik. Sheikh Muszaphar dalam keadaan bersedia sepenuhnya untuk menjalankan misi negara.

Jamaluddin menambah, saintis Malaysia yang terlibat dalam program penyelidikan di angkasa juga sudah selesai menjalankan prosedur pembungkusan ke atas bahan-bahan kajian yang akan dibawa ke angkasa.

Eksperimen yang akan dijalankan oleh angkasawan Malaysia melibatkan tiga komponen penting iaitu sel, mikroba dan penghabluran protein di angkasa yang bakal melonjakkan lagi bidang sains, teknologi dan perubatan negara.

Dalam kajian sel, penyelidikan di angkasa melibatkan sel kanser hati dan leukemia.

"Antara sebab mengapa perlu diadakan eksperimen ini di angkasa ialah ia menawarkan persekitaran unik dengan adanya mikrograviti dan radiasi angkasa yang boleh menghasilkan penemuan baru," ujar Penyelaras Sains Hayat, Dr. A Rahman A. Jamal.

Penyelidikan mikroba di angkasa pula melibatkan bakteria gram negatif yang habitat semula jadinya di usus manusia manakala kajian protein melibatkan enzim lipase T1 yang banyak digunakan dalam industri.

Yang pasti, misi membawa penyelidikan tempatan ke angkasa jelas membuktikan tanggungjawab besar Muszaphar sebagai angkasawan pertama negara.

Sebelum ini kedengaran suara sumbang sesetengah pihak yang melihat program ini dengan pandangan skeptikal sehin-

ga mendakwa ia membazir wang rakyat. Ternyata mereka enggan menghayati misi sebenar penerokaan ke angkasa.

Mungkin ruang sempit pemikiran mereka hanya dapat menggambarkan angkasawan sekadar teraupung di angkasa bebas daripada tarikan graviti. Ia visual yang biasa dimomokkan menerusi filem.

Mungkin, mereka inilah juga yang pernah enggan menghayati misi kereta nasional, misi Menara Berkembar Petronas atau pun projek pusat pentadbiran Putrajaya.

Buat angkasawan pertama negara Sheikh Muszaphar yang bakal menjejakkan kaki selama 10 hari di ISS, tahniah dan selamat berjaya.

Anda mempunyai misi besar, bukan sahaja mengharumkan nama Malaysia, mengembangkan bidang sains, teknologi perubatan negara, menjadi ikon gah beliau, bahkan menutup mulut mereka yang sentiasa melemahkan perjuangan bangsa.



■ Dua calon akhir yang terpilih ialah Kapten Dr. Faiz Khaleed dan Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie. Semalam Sheikh Muszaphar diumumkan sebagai rakyat Malaysia pertama akan ke angkasa lepas.

## Angkasawan dunia

- Setakat 4 Oktober 2007, seramai 463 orang telah bergelar angkasawan profesional. Mereka terdiri daripada 415 lelaki dan 48 wanita dari 34 buah negara.
- Sehingga 2007, Sergei K. Krikalov memegang rekod berada paling lama di angkasa dengan catatan 803 hari, 9 jam dan 39 minit.
- Manusia pertama di angkasa, Yuri Gagarin dari Rusia yang mengorbit ke angkasa pada 12 April 1961. Astronaut wanita pertama pula ialah Valentina Tereshkova pada tahun 1963.
- Kematian - sehingga kini sembilan orang meninggal dunia dalam lima misi kapal angkasa, manakala lebih daripada 10 yang lain semasa latihan di tapak latihan.



- Lima kapal angkasa yang terlibat dalam kejadian angkasawan maut termasuklah Soyuz 1 (1967), X-15-3 (1967), Soyuz 11 (1971), Space Shuttle Challenger (1986) dan Space Shuttle Columbia (2003).